



Ruj. Kami : SPA.(S)KT/015/110/(5)  
Tarikh : 24 Ogos 2021

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pembangunan Organisasi  
Aras 8, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Puan Zarina binti Zakaria)

Puan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI SKIM PERKHIDMATAN JURUBAHASA SERENTAK DAN PEMBANTU MAKMAL FILEM BERIKUTAN PENJUMUDAN SKIM PERKHIDMATAN JURUBAHASA SERENTAK DAN PEMBANTU MAKMAL FILEM**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada e-mel puan bertarikh 6.8.2021.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia pada 23 Ogos 2021 telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen bagi skim perkhidmatan Jurubahasa Serentak dan Pembantu Makmal Filem berikutan penjumudan skim perkhidmatan tersebut.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) pertukaran pelantikan melalui opsyen bagi lapan (8) orang pegawai daripada skim perkhidmatan Jurubahasa Serentak ke skim perkhidmatan Pegawai Tadbir pelbagai gred dan seorang (1) pegawai daripada skim perkhidmatan Pembantu Makmal Filem Gred C19 ke skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N19 seperti di **Lampiran A**;
- (ii) surat tawaran opsyen, syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen seperti di **Lampiran B**, **Lampiran C** dan **Lampiran D**;
- (iii) tawaran opsyen berkuat kuasa **mulai 2 Oktober 2021**;
- (iv) tempoh opsyen selama 30 hari dari tarikh surat tawaran dikeluarkan; dan
- (v) perwakilan kuasa kepada Ketua Pentadbir, Parlimen Malaysia untuk penawaran opsyen pertukaran pelantikan Jurubahasa Serentak dan Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia bagi penawaran opsyen pertukaran pelantikan Pembantu Makmal Filem.

SPA.(S)KT/015/110/(5)

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya ini, Ketua Pentadbir, Parlimen Malaysia dan Ketua Pengarah, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen kepada pegawai yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK ZOHARI BIN SAID)**

s.k.:

**Puan Nor Yahati binti Awang**  
Ketua Pentadbir  
Parlimen Malaysia  
Bahagian Pengurusan  
Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Inovasi  
Bangunan Parlimen  
Jalan Parlimen  
**50680 KUALA LUMPUR**

**YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohamed**  
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tingkat 12, Wisma JUPEM  
Jalan Sultan Yahya Petra  
**50578 KUALA LUMPUR**